

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan meninjau sejauhmana tahap kekesanan pendekatan atau kaedah, penggunaan , peranan serta sumbangan yang dapat diberikan oleh perpustakaan dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan murid. Kajian ini juga melihat sikap dan persepsi guru terhadap perpustakaan serta masalah-masalah yang dihadapi dalam menerapkan pendekatan atau kaedahnya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dijalankan melalui kaedah temu bual berstruktur. Temubual digunakan untuk mendapatkan respon guru terhadap pendekatan perpustakaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Jawapan temubual ini ditranskripsikan dan dianalisa secara diskriptif mengikut tema-tema yang tertentu berdasarkan soalan kajian yang dibina. Sampel kajian terdiri daripada dua belas orang guru yang pelbagai latar belakang pengalaman di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin, Raub, Pahang.

Hasil kajian menunjukkan bahawa perpustakaan banyak memainkan peranan untuk membantu guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Sungguhpun begitu, kajian ini memperlihatkan bahawa guru dan murid mempunyai tahap kefahaman atau kemahiran menggunakan perpustakaan yang rendah dan perlukan perhatian yang sewajarnya. Bagaimanapun, kebanyakan responden menyetujui akan keperluan pendekatan ini dalam proses pengajaran mereka.

Beberapa cadangan telah diajukan bersama kaedah-kaedah tertentu . Tindakan yang sesuai telah disarankan untuk diambil tindakan sebagai mempertingkatkan sumbangan dan penggunaan perpustakaan dalam peranannya sebagai pusat atau gedung maklumat dan ilmu untuk perkembangan pendidikan.

ABSTRACT

"THE USAGE OF LIBRARY APPROACH IN TEACHING AND LEARNING PROCESS IN A SCHOOL"

The purpose of this study is to find out the degree of effectiveness in the method, usage, role and contribution of the library in the teaching and learning process among the teachers and students. This study will also focus the attitude and perception of the teachers towards the library and the problems that they have to face in practising this approach or method in teaching and learning.

This study is conducted through a structured interview method whereby teachers' responses are transcribed and then analysed descriptively according to certain themes based on the questions asked. The respondents for this study consist of 12 teachers from SMK. Tengku Kudin, Raub who have various experience background.

The outcome of the study shows that the library plays an important role in helping teachers and students in the teaching and learning process. Despite that, it also show that both teachers and students have low skill and comprehension level in using the library and those need special attention. However, most respondents agree to the need of this approach in their teaching process.

Several suggestion have been brought forward along with certain methods. Suitable actions had been suggested to increase the contribution and usage of the library in its role as a knowledge and information centre for educational development.